

## POTENSI APLIKASI PENILAIAN IMPAK SOSIAL UNTUK MENILAI DASAR DAN PROGRAM KERAJAAN SEMASA PANDEMIK COVID-19

### *POTENTIAL OF SOCIAL IMPACT EVALUATION APPLICATION FOR EVALUATING GOVERNMENT POLICIES AND PROGRAMS DURING COVID-19 PANDEMIC*

Gaim James Lunkapis<sup>1</sup>, Rosazman Hussin<sup>2</sup>, Colonius Atang<sup>3</sup>, Romzi Ationg<sup>4</sup>,  
Kursam Ongui<sup>5</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan & Institut Kajian Orang Asal Borneo, Universiti Malaysia Sabah  
(E-mel: gaim@ums.edu.my)

<sup>2</sup>Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIs), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia

<sup>3</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia

<sup>4</sup>Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia

<sup>5</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia  
(E-mel: kursamongui@gmail.com)

#### Article history

**Received date** : 25-8-2020  
**Revised date** : 26-8-2020  
**Accepted date** : 23-10-2020  
**Published date** : 25-10-2020

#### To cite this document:

Gaim J, Rosazman H, Colonius A, Romzi A & Kursam Ongui (2020). Potensi aplikasi penilaian impak sosial untuk menilai dasar dan program kerajaan semasa pandemik COVID-19. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 5(32), 14 – 25.

---

**Abstrak:** Tujuan utama artikel ini adalah untuk memberikan penilaian awal mengenai potensi aplikasi Penilaian Impak Sosial untuk menilai dasar dan program negara yang digunakan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia. Dalam hal ini, Penilaian Impak Sosial adalah salah satu alat untuk mengenal pasti dan meramal potensi impak sosial daripada pelaksanaan dasar, program dan projek. Penilaian Impak Sosial ini telah digunakan secara meluas di seluruh dunia termasuk di Malaysia dan telah diluluskan untuk dilaksanakan oleh Parlimen Malaysia pada tahun 2016 melalui pindaan Akta Perancangan Bandar dan Desa 172, A1522. Akta ini telah diwartakan untuk dilaksanakan pada Januari 2017 dan hal ini memang diakui kesejahteraan masyarakat sering dibentuk melalui polisi kerajaan, program dan rancangan pembangunan negara. Oleh itu, adalah wajar impak sosial yang berpotensi daripada pelaksanaan dasar, program dan projek yang dilaksanakan dalam usaha menghentikan wabak COVID-19 di Malaysia harus dinilai dengan tepat semasa pelaksanaan. Bagi meningkatkan lagi pelaksanaan dan keberkesanan dasar, program dan projek. Pihak berkuasa seharusnya membuat Penilaian Impak Sosial terlebih dahulu yang mungkin memberi impak yang teruk dan negatif. Proses penilaian ini tidak semestinya mengambil masa yang lama kerana penilaian ini dapat dilaksanakan dengan menggunakan Rapid Social Impact Assessment (RSIA). Kaedah yang digunakan dalam proses ini adalah kualitatif iaitu melalui tinjauan kaedah yang tersedia untuk Penilaian Impak Sosial terhadap dasar negara, program

dan projek bagi mengatasi pandemik COVID-19 di Malaysia. Dapatan awal dari penyelidikan ini menunjukkan bahawa kaedah yang sedia ada berpotensi untuk meramal impak sosial terhadap dasar kerajaan, program dan projek yang dilaksanakan untuk mengawal penyebaran wabak COVID-19 di Malaysia.

**Kata Kunci:** COVID-19, Pandemik, RSIA, Malaysia, Impak Sosial

**Abstract:** *The main purpose of this article is to provide the preliminary assessment on the potential application of Social Impact Assessment to evaluate the state policies and program deployed during the Movement Control Order (MCO) in Malaysia. In this regard, SIA is a tool to identify and anticipate the potential social impacts of policies, programs and projects. SIA has been widely used worldwide, and in Malaysia, SIA was approved for implementation by the Malaysian Parliament in 2016 through amendment of the Town and Country Planning Act 172, A1522. This act was further gazetted for implementation in January 2017. It was also acknowledged that communities well-being is often shaped through state policies, programs and development plans. Thus, it is only reasonable that the potential social impacts of policies, programs and projects imposed to stop the pandemic COVID-19 in Malaysia are evaluated adequately at the implementation time. Knowing the severity of the anticipated social impact in advance will help the state authorities discharge the most suitable management plans to improve further the delivery and effectiveness of policies, programs and projects. The evaluation processes do not necessarily time-consuming and can be deployed using RSIA. The method used was qualitative by reviewing the method available for social impact assessment and state policies, programs and projects to curve the COVID-19 pandemic in Malaysia. Preliminary results from this research revealed that the available method could potentially predict the social consequences of state policies, programs and projects discharged to stop the spread of the pandemic COVID-19 in Malaysia.*

**Keywords:** COVID-19, Pandemic, RSIA, Malaysia, Social Impact

---

## Pengenalan

Penularan penyakit koronavirus 2019 (COVID-19) di negeri Sabah telah dikesan pada 12 Mac 2020 melibatkan seorang lelaki dari Tawau yang merupakan salah satu peserta dalam perhimpunan di Sri Petaling di Kuala Lumpur (Shah et al., 2020). Pada 13 April 2020, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah mengesahkan bahawa sebanyak 5,007 ujian telah dilakukan dengan penemuan bahawa satu perempat daripada kes koronavirus di Kota Kinabalu adalah kes sporadik (Malaysia, 2020). Kesan daripada peningkatan kes jangkitan yang mendadak di seluruh Malaysia, pihak kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara mulai 18 Mac sehingga 31 Mac 2020. Perintah ini telah dikuatkuasakan di bawah Akta Kawalan dan Pencegahan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967 (Shah et al., 2020). Perintah ini mengakibatkan penutupan dan sekatan sepenuhnya terhadap hampir semua aktiviti masyarakat di seluruh Malaysia.

Pelbagai sekatan telah dilakukan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini yang menyebabkan perubahan kepada tingkah laku dan gaya hidup masyarakat di negara ini. Selain itu, rutin harian masyarakat telah berubah dan cara masyarakat berfikir dan berkelakuan juga berbeza daripada kebiasaan. Walau bagaimanapun, kesan sosial daripada perubahan ini belum

didokumentasikan dengan betul serta impak positif dan negatif daripada pelaksanaan PKP ini belum dinilai dengan tepat. Oleh yang demikian, terdapat keperluan untuk penilaian yang tepat terhadap impak sosial untuk memperbaiki sistem penyampaian dasar, program dan projek dengan lebih baik.

Artikel ini mendapat banyak manfaat dari beberapa bahan penerbitan dan catatan di lapangan terutamanya yang berkaitan dengan emosi dan bagaimana komuniti yang terkesan ini menghadapi keadaan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Berdasarkan bahan penerbitan dan maklum balas dari lapangan, terdapat impak yang sangat jelas dan keadaan ini memerlukan agar aplikasi penggunaan Penilaian Impak Sosial dilakukan untuk menilai impak sosial.

### **Sorotan Literatur**

Bahagian pertama dalam sorotan literatur ini menjelaskan tentang *Social Impact Assessment* (SIA) di Malaysia dan kaedah yang digunakan sebagai sebahagian daripada pelaksanaan Penilaian Impak Sosial. Secara ringkasnya, Penilaian Impak Sosial adalah alat untuk mengenal pasti dan mengurus impak sosial terhadap pelaksanaan dasar, program dan projek (Emma, 2017) manakala bahagian kedua di bawah tajuk Penilaian Impak Sosial adalah ringkasan metod yang sedia ada untuk melaksanakan kajian impak sosial.

### **Penilaian Impak Sosial di Malaysia**

Penilaian Impak Sosial atau *Social Impact Assessment* (SIA) telah diluluskan untuk dilaksanakan oleh Parlimen Malaysia pada tahun 2016 melalui pindaan Akta Perancangan Bandar dan Desa 172, A1522. Akta ini diwartakan untuk dilaksanakan pada bulan Januari 2017 dan hanya terpakai di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Bagi negeri Sabah dan Sarawak, kedua-dua negeri ini masih belum menyelaraskan undang-undang masing-masing untuk menjadikan Penilaian Impak Sosial sebagai salah satu keperluan yang wajib. Penilaian Impak Sosial adalah platform kepada pelbagai latar belakang kumpulan dan komuniti dalam masyarakat untuk menyuarakan keperluan, keprihatinan dan fokus kepada dimensi manusia terhadap sebarang cadangan pelaksanaan polisi, program dan projek. Peruntukan baru ini telah dikuatkuasakan pada Januari 2017 dalam prosedur SIA Malaysia.

Langkah ini adalah penting untuk Malaysia menjadi sebuah masyarakat yang moden dan penyayang (Yahya, 2017). Individu dan kumpulan penduduk yang berbeza mungkin menghadapi tahap impak sosial yang berbeza dan memerlukan langkah-langkah mitigasi yang berbeza untuk mengatasi impak yang tidak diingini berlaku. Di peringkat global, lebih daripada 150 negara menggunakan Penilaian Impak Sosial untuk menilai dasar, program dan projek negara sebelum pelaksanaan (IAIA, 2019).

Masa adalah salah satu alasan yang kerap digunakan untuk tidak membuat Penilaian Impak Sosial. Sesetengah pihak mendakwa bahawa kajian impak ke atas dasar, program atau projek semasa keadaan yang mendesak akan melambatkan lagi proses pelaksanaan. Pada masa yang sama, Penilaian Impak Sosial ini memerlukan data terlebih dahulu serta kaedah-kaedah analisis yang akhirnya mendorong kepada alasan untuk tidak melaksanakan Penilaian Impak Sosial. Walau bagaimanapun, beberapa kajian menunjukkan bahawa penilaian impak tidak semestinya memerlukan masa yang lama dan ini telah dilaksanakan melalui kaedah Penilaian Impak Sosial yang sedia ada (Gulakov et al., 2020; Vanclay, 2020).

Sejak penyebaran COVID-19 di Malaysia, pihak kerajaan telah melaksanakan beberapa dasar, program dan projek yang berkaitan untuk menangani pandemik COVID-19 di Sabah. Oleh yang demikian, penyelidikan ini bertujuan untuk meneliti impak sosial akibat daripada pelaksanaan dasar, program dan projek kepada masyarakat dan seterusnya dapat memberi cadangan untuk tindakan pemulihan terutama terhadap dasar yang memberi kesan negatif kepada masyarakat.

### **Kaedah-Kaedah Sedia Ada untuk Penilaian Impak Sosial**

Dalam praktis Penilaian Impak Sosial, beberapa kaedah telah dikembangkan untuk meningkatkan penggunaan kaedah Penilaian Impak Sosial serta amalan dan pemikiran dalam pengurusan impak sosial daripada pelbagai sarjana. Smyth dan Vanclay (2016) telah mencatatkan beberapa kaedah terkenal termasuk Kerangka Kerja Risiko Kemiskinan dan Pembangunan Semula (*Impoverishment Risks and Reconstruction - IRR Framework*), Pendekatan Penghidupan Berkelanjutan (*Sustainable Livelihoods Approach - SLA*) dan Pembangunan Komuniti Berasaskan Aset (*Asset Based Community Development - ABCD*). Setiap kaedah ini mempunyai kelebihan tersendiri dan menurut Smyth dan Vancley, pendekatan yang biasa digunakan adalah Analisis Kerangka Sosial (*Social Framework Analysis - SFA*).

Kaedah lain adalah *Rapid Impact and Vulnerability Assessment (RIVA)* yang dibuat berdasarkan kepada konsep risiko dan penilaian kerentanan dan impak di peringkat hiliran sama ada positif atau negatif (Tuler et al., 2013). Kaedah ini terbukti berkesan untuk menilai impak sosial dalam konteks masyarakat yang lebih besar.

Kaedah *Rapid Environmental Impact Assessment Matrix (RIAM)* yang dikembangkan oleh Pastakia (1998). Kaedah ini telah memberikan penilaian yang cepat terhadap kesan persekitaran dengan menggunakan algoritma matematik dan mengembangkan program ini berasaskan kepada penggunaan Excel untuk mengukur kesan terhadap persekitaran. Kaedah ini berjaya digunakan untuk menilai beberapa projek dan telah mencatatkan bahawa kaedah yang digunakan ini telah memberikan keputusan seperti yang dikehendaki. Secara ringkasnya, terdapat beberapa kaedah yang sedia ada untuk menilai kesan pelaksanaan dasar, program dan projek. Kaedah tersebut diringkaskan seperti dalam Jadual 1.

**Jadual 1:** Kaedah-Kaedah Penilaian Impak Sosial

<b>Senarai Kaedah</b>	<b>Rujukan</b>	<b>Ulasan</b>
<i>Impoverishment Risks and Reconstruction (IRR) Framework</i>	Michael Cernea (1997)	Digunakan oleh Perbadanan Kewangan Antarabangsa (IFC)
<i>Sustainable Livelihoods Approach</i>	Solesbury (2003); Scoones (2009)	Digunakan oleh Brutland bagi matlamat pembangunan mampan
<i>Asset Based Community Development (ABCD)</i>	Kretzmann & McKnight (2005); Mathie & Cunningham (2003)	Komuniti didorong dan bergantung pada aset tempatan

<i>Social Framework Analysis (SFA)</i>	Smyth & Vancley (2016)	Masih baharu dan kurang digunakan
<i>Rapid Impact and Vulnerability Assessment (RIVA)</i>	Tuler et al. (2013)	Digunakan dalam komuniti perikanan
<i>Rapid Environment Impact Assessment (RIAM)</i>	Pastakia (1998)	Digunakan dalam pelbagai kajian Penilaian Impak Alam Sekitar

Sumber: Olahan Penulis (2020).

Berdasarkan Jadual 1, terdapat beberapa kaedah yang sedia ada untuk melakukan kajian Penilaian Impak Sosial dan setiap kaedah tersebut adalah berpotensi digunakan untuk menilai impak sosial bagi program dan projek yang berkaitan dengan COVID-19.

### **Perintah Kawalan Pergerakan di Malaysia**

Pandemik COVID-19 ini telah melanda Malaysia dengan kes pertama direkodkan adalah pada 11 Mac 2020 (Arumugam, 2020) manakala kes pertama di Sabah telah direkodkan di Tawau pada 12 Mac 2020 (Alen Kee, 2020). Keupayaan Penilaian Impak Sosial ini memberikan analisis dan kesan berkaitan kesihatan kepada masyarakat sememangnya terbukti dan telah direkodkan. Vaclely (2020) menyarankan agar program di peringkat negara untuk mengawal penularan pandemik dapat dianalisis dengan menggunakan kaedah Penilaian Impak Sosial. Seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, Penilaian Impak Sosial adalah alat untuk mengukur impak sosial terhadap sebarang pelaksanaan dan penggubalan dasar, program dan projek.

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah bermula pada 18 Mac 2020 apabila kerajaan Malaysia secara rasminya melaksanakan langkah PKP (Warta Kerajaan, 2020). Pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah memaklumkan untuk mengambil tindakan terhadap individu yang tidak mematuhi langkah kawalan dan boleh dikenakan hukuman di bawah Kanun Keseksaan. Bagi menegakkan pelaksanaan dasar kerajaan ini, Jabatan Peguam Negara telah mengeluarkan warta kerajaan persekutuan pada 18 Mac 2020 khusus bagi perintah kawalan pergerakan dengan menetapkan hukuman sehingga satu ribu ringgit (RM1,000) dan penjara sehingga enam bulan atau kedua-duanya bagi sesiapa yang melanggar peraturan perintah (Azyyati Ahmad, 2020). Daripada pemerhatian dasar yang telah dilaksanakan ini, jelas sekali terdapat kekeliruan daripada segi operasi pelaksanaan untuk menempatkan pesalah di tempat tahanan berkenaan.

Pada masa yang sama, semua perjalanan rentas negeri tidak dibenarkan sama sekali dan individu tersebut harus mendapatkan kebenaran bertulis terlebih dahulu sekiranya berhasrat untuk melakukan perjalanan rentas negeri dengan mengisi borang permit rentas negeri daripada pihak polis sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Situasi ini telah menyebabkan ramai penuntut institusi pengajian tinggi awam dan swasta berpusu-pusu hadir di kaunter Balai Polis dan stesen pengangkutan awam seperti Terminal Bersepadu Selatan (TBS) sehingga menimbulkan kesesakan yang teruk. Keadaan yang kurang terkawal ini menyebabkan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah memutuskan untuk menangguhkan sementara arahan pegisian borang rentas negeri bagi mengelakkan penyebaran jangkitan COVID-19 (Berita Harian, 2020).

Sepanjang pelaksanaan PKP bagi Fasa 1 dikuatkuasakan, pihak PDRM telah melakukan sekatan jalan raya di seluruh negara untuk memastikan dan memberi amaran kepada rakyat Malaysia agar terus tinggal di rumah dan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan (Ruwaida, 2020). Mulai 22 Mac 2020, pasukan tentera Malaysia telah digerakkan untuk membantu PDRM bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan dalam usaha membendung penularan COVID-19 (Bernama, 2020).

Pada 30 Mac 2020, pihak kerajaan telah menetapkan bahawa semua perniagaan seperti pasar raya dan restoran termasuk perkhidmatan penghantaran makanan hanya boleh beroperasi dari jam 8.00 pagi sehingga 8.00 malam bermula pada 1 April 2020. Pihak kerajaan turut mengalakkan orang ramai agar menggunakan perkhidmatan pembelian dalam talian bagi mengelakkan risiko sentuhan daripada perkhidmatan penghantaran (Bernama, 2020).

Bagi mengawal penularan COVID-19 daripada terus merebak, pihak kerajaan telah mengumumkan dasar baharu yang bermula pada 1 April 2020. Dasar ini termasuk menghalang individu untuk melakukan perjalanan lebih daripada seorang dan radius perjalanan telah ditetapkan sejauh 10 kilometer serta melarang semua jenis perjumpaan kecuali untuk pengebumian tetapi pada jumlah yang minimum. Walau bagaimanapun, polisi penetapan radius sejauh 10 kilometer ini dikecualikan kepada mereka yang melakukan perjalanan untuk tujuan tertentu seperti mendapatkan bekalan keperluan harian, rawatan perubatan dan perkhidmatan penghantaran makanan serta perkhidmatan penting yang dibenarkan oleh kerajaan (Bernama, 2020).

Bagi setiap pengumuman dasar yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan, saluran media memainkan peranan yang penting dalam menyampaikan berita ini dengan cara yang menimbulkan rasa ingin tahu dan minat. Impak sosial daripada pengumuman akhirnya menjadi lebih jelas apabila terdapat beberapa penyampaian berita palsu yang turut menjadi norma baharu. Kesan sebenar daripada penguatkuasaan dasar, program rangsangan dan langkah-langkah pemulihan belum diketahui dan difahami sepenuhnya oleh masyarakat umum. Dalam situasi seperti ini, sebab dan impak seharusnya perlu diterangkan serta dianalisis terlebih dahulu menggunakan Penilaian Impak Sosial dan keputusan analisis ini perlu dimaklumkan kepada masyarakat umum.

Contoh pertama yang dapat diambil adalah dari Pakej Rangsangan Ekonomi yang telah diumumkan oleh pihak kerajaan. Terdapat keluhan dalam kalangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Malaysia. Hal ini disebabkan mereka telah disisihkan daripada Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat yang bernilai RM250 bilion. Pada masa yang sama, keluhan daripada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mengenai dengan pemberian bantuan ini tidak diselesaikan dengan segera (Syahhirah, 2020). Contoh yang kedua adalah kekeliruan berkenaan dengan kaedah menangani tahanan PKP iaitu sama ada menempatkan mereka dalam tahanan atau mengenakan denda dengan melakukan kerja-kerja kemasyarakatan (Marilyn Ten, 2020). Contoh yang ketiga adalah mengenai dengan pengumuman awal pelaksanaan PKP yang telah mendorong kepada pergerakan penduduk secara besar-besaran di seluruh negara sehingga menyebabkan kesukaran dalam mengendali dan mengesan pembawa penyakit (Pamela, 2020).

### Kategori Langkah-Langkah Pencegahan di Malaysia

Di Malaysia, terdapat lapan fasa PKP yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia yang bermula pada 18 Mac 2020 dan berakhir pada 31 Disember 2020. Pelaksanaan ini adalah sebagai langkah penting untuk mengawal pandemik COVID-19 yang diringkaskan seperti dalam Jadual 2:

**Jadual 2:** Kronologi Fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia

Kategori	Fasa	Masa Pelaksanaan
PKP	Fasa 1 - Perintah Kawalan Pergerakan	18 Mac 2020 - 31 Mac 2020
	Fasa 2 - Perintah Kawalan Pergerakan	01 April 2020 - 14 April 2020
	Fasa 3 - Perintah Kawalan Pergerakan	15 April 2020 - 28 April 2020
	Fasa 4 - Perintah Kawalan Pergerakan	29 April 2020 - 03 Mei 2020
PKPB	Fasa 5 - Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat	04 Mei 2020 - 12 Mei 2020
	Fasa 6 - Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat	13 Mei 2020 - 09 Jun 2020
PKPP	Fasa 7 - Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat Pemulihan	10 Jun 2020 - 31 Ogos 2020
	Fasa 8 - Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat Pemulihan	01 September 2020 – 31 Disember 2020
PKPD	Penguatkuasaan hanya terpakai di lokasi tertentu disebabkan pengesanan kluster dengan jumlah yang banyak	Berkuat kuasa pada 27 Mac 2020

Sumber: Olahan Penulis (2020).

### Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) merujuk kepada perintah pencegahan dan kawalan penyakit berjangkit (Pengisytiharan Kawasan Tempat Jangkitan) 2020 (Perintah PPPB) yang dikeluarkan oleh Perdana Menteri Malaysia pada 16 Mac 2020 di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta PPPB 1988). Perintah Kawalan Pergerakan pertama kerajaan Malaysia merangkumi sekatan pergerakan dan perhimpunan di seluruh negara, sekatan perjalanan sepenuhnya untuk semua rakyat Malaysia yang pergi keluar negara, sekatan pelawat asing dan pelancong ke Malaysia, penutupan semua tadika, sekolah awam dan swasta, penutupan semua institusi pengajian tinggi awam dan swasta, serta penutupan semua premis kerajaan dan swasta kecuali yang terlibat dalam perkhidmatan penting (Pejabat Perdana Menteri, 2020)

### Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)

Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) adalah kesinambungan daripada empat fasa PKP sebelumnya yang bermula dari 4 Mei 2020 sehingga 9 Jun 2020. Pihak kerajaan telah melaksanakan PKPB bagi memberi kelonggaran kepada kebanyakan aktiviti yang tidak dibenarkan beroperasi semasa tempoh PKP. Namun begitu kelonggaran yang diberikan oleh pihak kerajaan ini masih tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa sepanjang tempoh beroperasi. Dalam tempoh PKPB ini, terdapat dua fasa telah

dilaksanakan oleh pihak kerajaan iaitu fasa kelima yang bermula daripada 4 Mei 2020 sehingga 12 Mei 2020 manakala fasa yang keenam telah bermula daripada 13 Mei 2020 sehingga 9 Jun 2020. Kegiatan yang dilarang semasa PKPB adalah seperti aktiviti hiburan, riadah, rekreasi, keagamaan, budaya, perayaan dan perniagaan yang boleh menyebabkan kepada perkumpulan besar serta aktiviti di kawasan tempat tinggal pekerja dan asrama pekerja yang boleh mengundang kepada perhimpunan orang ramai serta pemasangan dan penyelenggaraan aktiviti mesin seperti lif dan eskalator atau menara kren di tapak pembinaan yang boleh mengundang kepada perhimpunan besar (Ida, 2020).

### **Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)**

Terdapat dua fasa yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) iaitu Fasa 7 yang bermula daripada 10 Jun sehingga 31 Ogos 2020 dan Fasa 8 yang bermula pada 1 September 2020 sehingga 31 Disember 2020. Selama tempoh pelaksanaan PKPP Fasa 7, lebih banyak larangan yang dilaksanakan sebelum ini telah dilonggarkan untuk membolehkan orang ramai menjalankan aktiviti harian mereka seperti operasi perniagaan, aktiviti riadah, sukan dan aktiviti rekreasi, pembukaan sekolah secara berperingkat, salon rambut, pasar terbuka serta perayaan Hari Raya Aidiladha dan aktiviti qurban dengan syarat mematuhi SOP yang ditetapkan (Adib Povera & Dawn Chan, 2020). Pihak kerajaan telah melaksanakan PKPP Fasa 8 dengan memberikan kelonggaran yang lebih banyak terutama kepada industri perniagaan seperti sektor pertanian dan komoditi tanaman, pusat membeli-belah, gerai, perniagaan kecil, restoran, penggambaran dan produksi, pengangkutan awam dan persendirian, serta gimnasium. Perniagaan yang melibatkan kehadiran pelanggan di premis perniagaan hendaklah mematuhi SOP dengan mengambil suhu badan dan maklumat berkaitan sebelum memasuki premis serta melakukan sanitasi sekurang-kurangnya tiga kali dalam sehari (Emmanuel Santa, 2020).

### **Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)**

Kerajaan Malaysia telah menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di beberapa lokasi tertentu yang dikenakan perintah kawalan ketat. Sejak 27 Mac 2020, terdapat empat lokasi yang diletakkan di bawah PKPD bermula dengan Simpang Renggam, Hulu Langat, Menara City One dan Malayan Mansion. Semasa tempoh pelaksanaan ini, semua penduduk di kawasan yang terlibat tidak dibenarkan keluar atau memasuki lokasi serta semua perniagaan dan kilang di kawasan dilarang beroperasi. Selain itu, semasa tempoh PKPD ini dijalankan semua laluan utama keluar dan masuk ditutup sepenuhnya, pengesanan pesakit COVID-19 dilakukan di setiap rumah oleh pegawai kesihatan dan makanan yang dibawa dari luar akan ditempatkan di kawasan lobi atau kawasan khas untuk penghantaran makanan sebelum diedarkan kepada individu serta penempatan pihak berkuasa tempatan seperti anggota RELA, Polis, Tentera dan kumpulan perubatan di kawasan yang terlibat (Soo, 2020).

### **Perbincangan**

Salah satu kritikan dan keraguan yang mungkin timbul mengenai potensi untuk melaksanakan SIA terhadap dasar dan program negara di bawah PKP adalah proses ini mungkin memerlukan tempoh yang agak panjang untuk dilaksanakan. Berdasarkan kepada penemuan daripada beberapa bahan bertulis yang telah dibincangkan dalam artikel ini adalah jelas bahawa tindakan pantas pelaksanaan polisi, program dan projek di bawah PKP adalah wajar. Walau bagaimanapun, keperluan untuk menilai impak pelaksanaan dasar haruslah dibuat terlebih dahulu agar impak pelaksanaan dasar ini benar-benar berkesan kepada masyarakat dan negara.



Terdapat dua metodologi yang boleh digunakan dengan pantas untuk melaksanakan penilaian impak iaitu yang pertama adalah *Rapid Impact and Vulnerability Assessment (RIVA)* oleh Tuler et al., (2013) dan yang kedua adalah *Rapid Environmental Impact Assessment (RIAM)* oleh Pastakia (1998). Oleh itu, artikel ini menyarankan supaya satu bentuk pengujian harus dilaksanakan untuk mengetahui sama ada metodologi yang sedia ada boleh dilaksanakan untuk meramal impak melalui polisi, program dan projek semasa PKP atau sebaliknya. Kajian lanjut bagaimana metodologi tersebut dilaksanakan adalah perlu melalui kajian kes terutamanya di peringkat projek pelaksanaan. Selanjutnya, sekiranya ujian pantas kajian impak sosial dapat dijalankan, keadaan ini lebih berguna kerana tindakan susulan yang tepat, cepat dan objektif boleh dicapai.

Pelaksanaan dasar oleh kerajaan Malaysia berhubung PKP telah mempengaruhi pelbagai keperluan kumpulan masyarakat terutama dari aspek ekonomi dan sosial. Oleh itu, terdapat program dan projek daripada kerajaan untuk membantu mereka yang terjejas disebabkan oleh wabak pandemik ini. Sebagai contoh, aplikasi *MySejahtera* telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk memantau status kesihatan dalam tempoh kawalan pergerakan dan aplikasi ini membolehkan Kementerian Kesihatan untuk mendapatkan maklumat awal mengenai status kesihatan pengguna dan mengambil tindakan segera dalam memberikan rawatan sekiranya perlu (Nur & Veena Babulal, 2020). Aplikasi yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan ini memudahkan pengesanan bagi individu yang bergejala dalam masa yang singkat dan memudahkan premis untuk mengawal kesesakan tanpa berbaris panjang untuk mengisi maklumat kesihatan secara manual. Namun begitu dari segi akses untuk mendapatkan aplikasi ini telah menyebabkan kepada kesesakan dan kesukaran dalam talian dalam jangka masa yang lama (*The Star*, 2020). Selain itu, polisi yang dilaksanakan ini turut menyukarkan masyarakat yang berada di kawasan yang tidak mempunyai rangkaian telefon mudah alih yang baik. Kesedaran tentang kepentingan penggunaan aplikasi di kalangan masyarakat turut menjadi satu bebanan kepada pihak berkuasa dalam memastikan dasar yang dibuat oleh kerajaan dipatuhi sepenuhnya. Salah satu contoh yang jelas adalah kes kluster Sivagganga di mana pihak berkuasa menghadapi kesukaran untuk mengesan kontak rapat disebabkan premis tersebut tidak menggunakan aplikasi *Mysejahtera* (Utusan Malaysia, 2020). Dalam situasi ini, pihak berkuasa tempatan seharusnya melakukan pemeriksaan awal dan khidmat nasihat kepada semua premis perniagaan di kawasan daerah masing-masing supaya dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan ini dipatuhi sepenuhnya di peringkat lapangan. Dalam situasi ini, jelas sekali penilaian impak harus dibuat terlebih dahulu terhadap dasar kerajaan bagi mengurangkan impak risiko yang membawa keburukan kepada masyarakat dan negara.

Selain itu, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah mengurangkan kadar caruman semasa dari 11% kepada 7% berkuatkuasa daripada 1 April 2020 sehingga 31 Disember 2020 untuk membantu pencaerum menghadapi pandemik (Sunbiz, 2020). Sebagai tambahan, Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa pencaerum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dibenarkan untuk mengeluarkan wang sehingga RM500.00 sebulan dari akaun berkuatkuasa mulai 1 April 2020 (Alexander, W. 2020). Dalam situasi ini, dasar yang dibuat oleh pihak kerajaan memberi faedah kepada pencaerum yang terlibat bagi meringankan bebanan kewangan semasa tempoh ekonomi yang sukar. Walau bagaimanapun, pelaksanaan dasar ini turut memberi kesukaran dari segi pelaksanaan pemberian kepada pencaerum di mana terdapat pencaerum yang tidak mempunyai perkhidmatan secara dalam talian bagi mengisi maklumat yang diperlukan untuk permohonan sebelum sebarang keputusan dibuat oleh bahagian

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Hal ini telah menyebabkan para pencariur turut berpusu-pusu ke kaunter perkhidmatan KWSP bagi membuat permohonan secara bersemuka, keadaan ini secara langsung turut mengundang kepada kesesakan dan penyebaran jangkitan COVID-19 yang lebih besar. Pihak KWSP akhirnya menghentikan operasi secara bersemuka termasuk perkhidmatan kaunter bagi mengelak penularan COVID-19. Perkara seperti ini begitu jelas bahawa keperluan Penilaian Impak Sosial amat wajar agar proses pemantauan dan kawalan berjalan dengan lancar (Bernama, 2020).

### **Kesimpulan**

Pelaksanaan dasar dan program oleh pihak kerajaan seperti Perintah Kawalan Pergerakan (PKP, PKPP dan PKPD) terhadap masyarakat di Malaysia sememangnya penting dalam membendung penularan COVID-19 daripada terus merebak di kalangan masyarakat. Namun begitu, pelaksanaan dasar dan program ini haruslah dilihat secara menyeluruh terutamanya kepada impak pelaksanaan di setiap peringkat masyarakat. Dalam hal ini langkah terbaik yang perlu dilakukan oleh pihak kerajaan adalah membuat penilaian impak sosial terlebih dahulu supaya pelan tindakan pengurusan dan pemantauan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan optimum.

### **Penghargaan**

Penyelidik ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih atas sumbangan dana dan bantuan penyelidikan di bawah geran COVID-19 daripada pihak Universiti Malaysia Sabah (UMS), SDK0142-2020.

### **Rujukan**

- Adib, P & Dawn C. (7 Jun 2020). *CMCO to end, replaced with RMCO until Aug 31 [NSTTV]*. <https://www.nst.com.my/news/nation/2020/06/598700/cmcoend%20%20replaced-rmco-until-aug-31-nsttv>. Diakses pada 8 October 2020.
- Alen Kee. (2020). *First sporadic Covid-19 Case in Sabah*. <https://www.theborneopost.com/2020/03/12/sabah-records-first-covid-19-case-in-tawau/>. Diakses pada 19 Sept 2020
- Alexander, W. (31 Mac 2020). *i-Lestari: How to withdraw RM500/month from you your EPF account*. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/03/31/i-lestari-how-to-withdraw-rm500-month-from-your-epf-account/1851975>. Diakses pada 19 September 2020
- Arumugam, T. (12 Mac 2020). *First sporadic Covid-19 case in Malaysia*. Diakses daripada <https://www.nst.com.my/news/nation/2020/03/573951/first-sporadic-covid-19-case-malaysia> pada 19 September 2020
- Aucamp, I., & Woodborne, S. (2020). Can social impact assessment improve social well-being in the future where social inequality is rife? *Impact Assessment and Project Appraisal*, 38(2), 132-135.
- Azyyati Ahmad, (18 Mac 2020). *Perintah Kawalan Pergerakan Digazet Hukuman 6 Bulan Penjara Tambahan Sektor Penting*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/perintah-kawalan-pergerakan-digazet-hukuman-6-bulan-penjara-tambahan-sektor-penting-234108>. Diakses pada 19 September 2020
- Berita Harian (19 Mac 2020). *Serbu Stesesn Pengangkutan Balai Polis Untuk Keizinan Balik Kampung*. <https://www.beritaharian.sg/dunia/serbu-stesen-pengangkutan-balai-polis-untuk-keizinan-balik-kampung>. Diakses pada 19 September 2020
- Bernama (22 Mac 2020). *Covid-19*. [https://www.bernama.com/bm/am/news\\_covid-19.php?id=182536](https://www.bernama.com/bm/am/news_covid-19.php?id=182536). Diakses pada 8 Oktober 2020

- Bernama ( 20 Mac 2020). *Movement Control Order Service of Military to be Mobilised Effective from Sunday*. Diakses daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/movement-control-order-services-of-military-to-be-mobilised-effective-from-sunday-23447> pada 8 Oktober 2020
- Bernama (18 Mac 2020). *Covid-19*. [https://www.bernama.com/en/general/news\\_covid-19.php?id=1827627](https://www.bernama.com/en/general/news_covid-19.php?id=1827627). Diakses pada 8 Oktober 2020
- Bernama (19 Mac 2020). *Covid-19*. [https://www.bernama.com/en/general/news\\_covid-19.php?id=1826628](https://www.bernama.com/en/general/news_covid-19.php?id=1826628). Diakses pada 8 Oktober 2020
- Emmanuel, S. (10 September 2020). *With RMCO extended to Dec 31, here's a (gentle) reminder of what you can and cannot do*. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/09/11/with-rmco-extended-to-dec-31-heres-a-gentle-reminder-of-what-you-can-and-ca/1902112>. Diakses pada 8 Oktober 2020
- Emma, W. (23 Mac 2017). *What is Social Impact Assessment?*. <https://www.researchgate.net/publication/315550573>. Diakses pada 20 September 2020
- Green M.S. (2020). Did the hesitancy in declaring COVID-19 a pandemic reflect a need to redefine the term? *The Lancet*, 395(10229), 1034-1035.
- Gulakov, I., Vanclay, F., Arts, J., & Vanclay, F. (2020). Modifying social impact assessment to enhance the effectiveness of company social investment strategies in contributing to local community development. *Impact Assessment and Project Appraisal*, 00(00), 1–15.
- Hassan M.M. (2018). Social Impact Assessment (SIA): A Review of SIA Procedure in Malaysia. *The International Journal of Social Science and Humanities Invention*, 5(4), 4550-4557.
- Ida, L. (2020). Here's what the new CMCO rule say: No more 10-km rule; Two-passenger rule for taxis and e-hailing. Diakses daripada <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/05/05/heres-what-the-new-cmco-rules-say-no-more-10-km-rule-two-passenger-rule-for/1863124> pada 19 September 2020
- Pamela, Y. (20 Mac 2020). *Covid-19, Sabah, and its neighbours* | The Star Online. <https://www.thestar.com.my/opinion/letters/2020/03/20/covid-19-sabah-and-its-neighbours>. Diakses pada 19 September 2020
- Pastakia, C. M. R., & Jensen, A. (1998). The rapid impact assessment matrix (RIAM) for EIA. In *Environmental Impact Assessment Review*, Vol. 18, Issue 5, pp. 461–482.
- Malaysian Government. 2020. *Kenyataan Akhbar KPK 13 April 2020 – Situasi Semasa Jangkitan Penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19) di Malaysia*. Diakses daripada <https://kpkkesihatan.com/2020/04/14/kenyataan-akhbar-kpk-14-april-2020-situasi-semasa-jangkitan-penyakit-coronavirus-2019-covid-19-di-malaysia/> pada 19 September 2020
- Marilyn, T. (5 April 2020). *Prisons Dept Suggests MCO flouters carry out community service*. Borneo Post Online. <https://www.theborneopost.com/2020/04/05/prisons-dept-suggests-mco-flouters-carry-out-community-service/>. Diakses pada 19 September 2020
- My Prime Minister Portal, (16 Mac 2020). <https://www.pmo.gov.my/2020/03/perutusan-khas-yab-perdana-menteri-mengenai-covid-19-16-mac-2020/>. Diakses pada 19 September 2020.
- Nur, Z. O., & Veena, B. (10 April 2020). *MySejahtera App disseminates Covid-19 information*. <https://www.nst.com.my/news/nation/2020/04/583117/mysejahtera-app-disseminates-covid-19-information>. Diakses pada 19 September 2020
- Ruwaida Md Zain, (18 Mac 2020). <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/03/556019/polis-selangor-lancar-ops-covid-19>. Diakses pada 19 September 2020

- Shah, A. U. M., Safri, S. N. A., Thevadas, R., Noordin, N. K., Rahman, A. A., Sekawi, Z., Ideris, A., & Sultan, M. T. H. (2020). COVID-19 outbreak in Malaysia: Actions taken by the Malaysian government. *International Journal of Infectious Diseases*, 97, 108–116.
- Soo, W. R. (9 April 2020). *No business activities in enhanced MCO zones, says Ismail Sabri*. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/04/09/no-business-activities-in-enhanced-mco-zones-says-ismail-sabri/1855091>. Diakses pada 8 Oktober 2020
- Sunbiz, (12 Mac 2020). *EPF not spared the impact of Covid -19 pandemic*. <https://www.thesundaily.my/business/epf-not-spared-the-impact-of-covid-19-pandemic-KB2571095>. Diakses pada 19 September 2020
- Syahirah, S. J. ( 6 April 2020). *who has been left out of Malaysia's RM250b stimulus package? The edge Markets*. <http://www.theedgemarkets.com/article/who-has-been-left-out-malysias-rm250b-stimulus-package>. Diakses pada 19 September 2020
- The Star. (8 Jun 2020). *MySejahtera Sesak Dalam Seminit Kerana e-dompet RM50*. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2020/06/08/mysejahtera-sesak-700000-dalam-seminit-kerana-e-dompet-rm50-dr-noor-hisham-nasihat-adakan-penjarakkan-ketika-daftar-pada>. Diakses pada 8 October 2020
- Tuler, S.P., Webler, T., & Polsky, C. (2013). A rapid impact and vulnerability assessment approach for commercial fisheries management. *Ocean & Coastal Management*, 71, 131-140.
- Utusan Malaysia (4 Ogos 2020). *Premis Wajib Guna Aplikasi MySejahtera*. <https://www.utusan.com.my/nasional/2020/08/premis-wajib-guna-aplikasi-mysejahtera/>. Diakses pada 19 September 2020
- Vanclay, F. (2020). Reflections on Social Impact Assessment in the 21st century. *Impact Assessment and Project Appraisal*, 38(2), 126–131
- Vanclay, F. (2003). SIA Principles: International Principles for Social Impact Assessment. *Impact Assessment and Project Appraisal*, 21 (1), 5-11.
- Vanclay, F. (2003). Reflection on Social Impact Assessment in the 21<sup>st</sup> century. *Impact assessment and project appraisal*, 3820, 126-131.
- Warta Kerajaan. (2020). Tambahan No. 48, Perundangan (B), Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988. No. 6, Jilid 64
- Yahya, R. (17 Disember 2017). *Another agency should carry out a social impact assessment*. NST Online. <https://www.nst.com.my/opinion/letters/2017/12/315578/another-agency-should-carry-out-social-impact-assessment>. Diakses pada 19 September 2020

**Akta:**

- Akta Kawalan dan Pencegahan Penyakit Berjangkit 1988  
Akta Perancangan Bandar dan Desa 172 (A1522)  
Akta Polis 1967